



06 APR, 2026

## Perak siap siaga hadapi kemarau

Sinar Harian, Malaysia



# Perak siap siaga hadapi kemarau

**Empangan Bukit Merah hanya 34 peratus, Temenggor hampir kritikal**

Oleh NORMAWATI AH ADNAN

**IPOH** - Pelan mitigasi akan diaktifkan bagi menghadapi kesan musim kemarau susulan trend penurunan paras air empangan utama di negeri ini yang dilaporkan berterusan sejak Januari lalu.

Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, aras takungan semasa Empangan Bukit Merah berada pada 6.965 meter dengan jumlah simpanan air 18.6958 juta meter padu, iaitu kira-kira 34 peratus daripada kapasiti keseluruhan.

Katanya, paras air di Empangan Temenggor pula ketika ini berada pada 239.07 meter iaitu meng-



Mohammad Nizar (dua dari kanan) memberi duit raya kepada kanak-kanak ketika Majlis Aidilfitri DUN Sungai Rapat, Ipoh pada Ahad.

hampiri paras kritikal operasi selamat empangan pada 238 meter.

"Keadaan itu menunjukkan hanya kira-kira satu meter 'buffer' sebelum mencapai tahap bahaya memerlukan tindakan kecemasan.

"Paras semasa ini masih memberi ruang fleksibiliti tetapi pemantauan berterusan perlu dilakukan. Jika penurunan melebihi had

tertentu, kita akan segera melaksanakan langkah tambahan," katanya ketika Majlis Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rapat di Padang Taman Lapangan Jaya di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak, Ir Dr Asnor Muizan Ishak; Pengurus Besar Lembaga Air Perak (LAP), Ir

Lokman Abd Rahim dan Pengurus Tenaga Nasional Bhd (TNB) Perak, Mohd Toha Abdul Manaf.

Mohammad Nizar berkata, situasi itu memberi kesan kepada tiga sektor utama iaitu bekalan air domestik, penjanaan tenaga serta pertanian.

Katanya, pemantauan rapi sedang dilakukan agensi berkaitan termasuk TNB, JPS dan LAP bagi memastikan pengagihan air dapat dilaksanakan secara seimbang.

"Walaupun berlaku pengurangan taburan hujan, keadaan masih dalam kawalan dan kita dapat memantau serta mengenal pasti gangguan berlaku untuk tindakan selanjutnya.

"Pengurusan air melibatkan pelepasan dari Empangan Temenggor hingga ke Kenering, Bersia dan Chenderoh diselaras antara agensi supaya keperluan pengguna dapat dipenuhi secara adil," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri telah mengambil langkah awal me-

nangguhkan jadual penanaman padi di Seberang Perak dan Kerian selama dua minggu bagi mengurangkan penggunaan air.

Ujarnya, keputusan itu dipersejajutkan dengan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) selepas mengambil kira keadaan semasa sumber air.

"Penangguhan ini penting bagi memastikan penggunaan air dapat diurus dengan lebih efisien sementara menunggu peningkatan taburan hujan.

"Sekiranya keadaan berterusan, kita akan mempertimbangkan langkah tambahan termasuk penggunaan pam bergerak bagi menyalurkan air ke kawasan pertanian yang memerlukan," katanya.

Beliau turut memaklumkan kerajaan negeri sudah menyediakan pelan tindakan berperingkat termasuk penghantaran bekalan air menggunakan lori tangki ke kawasan terjejas sekiranya keadaan bertambah buruk.